

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 SEPTEMBER 2016

Ekoran pertemuan dengan Anwar

Pemuda desak Dr. M nyata pendirian

Um - 8/9/2016

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 SEPT.

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa menyatakan pendiriannya mengenai Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim susulan pertemuan antara mereka kelmarin.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun berkata, persoalan besar timbul sama ada Dr. Mahathir telah menerima Anwar sebagai rakan politik walaupun pernah memecat bekas Timbalan Perdana Menteri itu daripada kerajaan.

“Saya melihat Dr. Mahathir seorang mengamalkan politik murahan dan picisan walaupun mendakwa pergi ke mahkamah demi menyatakan sokongan terhadap prosiding injuksi saman bantahan pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dikemukakan Anwar.

“Adakah pertemuan itu hanya membabitkan Akta MKN semata-mata sedangkan undang-undang ini telah melalui proses demokrasi dengan kelulusan Parlimen untuk dilaksanakan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Kelmarin, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berikutan bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh tersebut membuat permohonan injuksi sementara terhadap pelaksanaan Akta MKN.

Walau bagaimanapun, Dr. Ma-



KHAIRUL AZWAN HARUN (tengah) memperkatakan sesuatu semasa sidang akhbar di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

hathir menafikan pertemuannya dengan Anwar sebagai tanda berdamai selepas 18 tahun memecat bekas timbalannya itu.

Pada masa sama, Khairul Azwan menjelaskan, rakyat tidak mudah tertipu dengan tindak-tanduk Dr. Mahathir yang dilihat satu permainan wayang politik dengan matlamat menghalalkan cara demi kepentingan agenda peribadi.

Katanya, Dr. Mahathir dilihat amat terdesak pada ketika ini dengan sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat sendiri termasuk bersekongkol dengan pembangkang.

“Saya kenali banyak penyokong Anwar dan mereka amat kecewa terhadap pertemuan itu kerana tidak mudah untuk melupakan segala perbuatan yang pernah dilakukan Dr. Mahathir terhadap mereka selama ini.



Persoalan besar timbul sama ada Dr. Mahathir telah menerima Anwar sebagai rakan politik walaupun pernah memecat bekas Timbalan Perdana Menteri itu daripada kerajaan.”

KHAIRUL AZWAN HARUN
Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO

“Terpulang kepada rakyat dan penyokong Anwar untuk menilai pertemuan kedua-dua bekas pemimpin itu,” katanya.